

**DRAF TEKS UCAPAN**  
**Y.BHG. BRIG. JEN. DATUK PROF. DR.KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR UniMAP**  
**PROGRAM COMMUNITY POLICING AND CRIME AWARENESS**  
**SEMPENA**  
**19HB FEBRUARI 2014**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia

**Salam Perlis, 'Raja Ditaati, Rakyat Dirahmati, Negeri Disanjung'**

dan

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Syed Sirajuddin Jamalullail, Merangkap Tuanku Canselor UniMAP Dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Yang Juga Pro Canselor UniMAP.

Terlebih dahulu patik bagi pihak seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Tuanku berdua bercemar duli berangkat hadir menyerikan ***Program Community Policing And Crime Awareness*** pada pagi ini.

Sesungguhnya kehadiran Tuanku berdua ke majlis hari ini amat besar ertinya buat patik sekalian, dan ia mencerminkan keprihatinan Tuanku berdua dalam membanteras jenayah. Patik juga menyanjung tinggi di atas sokongan yang tidak terhingga diberikan duli-duli Tuanku untuk setiap program yang dianjurkan universiti.

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun, patik mohon untuk menyampaikan ucapan kepada hadhirin sekalian.

### **Salutasi**

**Yang Dihormati Tan Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara Dan Y.Bhg. Puan Sri**

**Ahli-Ahli Yang Berhormat**

**Yang Dihormati CP Dato' Wira Ayub Hj Yaacob, Pengarah Jabatan Pencegahan Dan Pembanterasan Jenayah, PDRM**

**Yang Dihormati SAC Dato' Zull Aznam Haron, Ketua Polis Perlis**

**Pegawai-Pegawai Kanan PDRM**

**Yang Berbahagia ACP Ks Dato' Prof. Dr. Zul Azhar B. Zahid Jamal, Timb. Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniMAP Merangkap Komandan Kor Suksis UniMAP**

**Ketua-Ketua Jabatan Negeri/Persekutuan**

**Timbalan-Timbalan Naib Canselor**

**Pegawai-pegawai Utama**

**Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP**

**Rakan-Rakan Media**

**Anggota-Anggota Badan Beruniform Dan Mahasiswa UniMAP**

**Seterusnya Hadirin Sekalian**

### **KATA ALU-ALUAN**

1. Alhamdulillah, bagi pihak pengurusan dan warga UniMAP memanjatkan syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya hari ini UniMAP dipilih sebagai hos bagi menganjurkan ***Program Community Policing And Crime Awareness*** bersama Jabatan Pencegahan Dan Pembanterasan Jenayah (JPPJ) PDRM Bukit Aman Dan PDRM Perlis.
2. Terlebih dahulu “Selamat Datang” dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada Yang DiHormati Tan Sri Ketua Polis Negara dan pucuk pimpinan kanan PDRM kerana sudi hadir ke kampus UniMAP Pauh Putra di Perlis.
3. Program pada hari ini dilihat bertepatan dengan peranan seiring PDRM dan komuniti khususnya menghadapi senario pelanggaran etika manusia dan undang-undang.

Hadirin yang saya hormati sekalian

4. Dunia semakin terbuka dan rakyat semakin luas aksesibiliti kepada capaian jaringan tidak terbatas. Situasi ini di satu sudut dilihat baik kepada perkembangan minda khususnya golongan remaja atau mahasiswa namun jika tidak dikawal pengaruh luar yang tidak sihat bakal merosakkan budaya rakyat Malaysia yang telah dibina sejak 57 tahun yang lalu.
5. Satu ketika dahulu negara ini dibina dengan pelbagai ancaman yang berada disekeliling kita. Sebagai perkongsian, saya telah merasai perit jerih ketika kerajaan ingin menyatukan rakyat Malaysia dalam membangunkan tanahair dan yang penting mewujudkan perpaduan sesama kita. Cukup insaf dengan senario yang berlaku ketika itu. Hari ini, usaha untuk meruntuhkan negara bangsa ini semakin

runcing sehingga sanggup melanggar undang-undang dan melakukan tindakan ke arah jenayah sekaligus menggugat kedaulatan negara.

6. Jenayah sering dikaitkan dengan masalah sosial yang berlaku dalam sesebuah komuniti. Peningkatan jenayah berat mahupun ringan sebenarnya tidak dapat dielak dengan asuhan dan didikan agama yang bermula dari rumah. Hari ini senario luar jangka dan kadang kala tidak pernah terfikir dek akal telah menular ke dalam masyarakat. Kelemahan benteng diri dan keprihatinan komuniti sekeliling menyebabkan indeks jenayah khususnya melibatkan umat Islam semakin hari semakin merunsingkan penguatkuasa undang-undang khususnya dan masyarakat umumnya.
7. Jika Al-quran dan sunnah serta pegangan agama terus dijadikan panduan dan rujukan, pasti kemakmuran dan keharmonian negara terus dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa perasaan sangsi dan curiga. Forum ini membuktikan kerjasama PDRM dan komuniti kampus dalam mengembleng tenaga menjalankan kempen kesedaran kepada komuniti setempat bertepatan dengan hasrat kerajaan.
8. Selalu diperkatakan **'mencegah lebih baik dari mengubati'**.. strategi pencegahan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia khususnya PDRM dalam memastikan pengurangan kes-kes jenayah di Malaysia adalah usaha murni yang telah dan sedang dilaksanakan.
9. Saya difahamkan pengwujudan JPPJ di peringkat PDRM Bukit Aman merupakan inisiatif terbaik dalam memastikan keselamatan rakyat Malaysia diutamakan. UniMAP sendiri begitu dekat dengan komuniti dan berkonsepkan kampus teragih serta berada lebih dari 40 lokasi di seluruh negeri Perlis. UniMAP sudah 12 tahun tinggal dan menjalani kehidupan seharian bersama komuniti. Ini kerana kebanyakan Kolej Kediaman UniMAP terletak di kawasan perumahan awam.

Hadirin sekalian,

10. Kita sedar pihak PDRM tidak mampu untuk mencegah dan membanteras kes-kes pelanggaran peraturan yang menyebabkan kes jenayah.

Justeru itu, UniMAP hari ini mengambil inisiatif baru bagi bekerjasama dengan PDRM yang bertepatan dengan dasar kerajaan di bawah – strategi lautan biru kebangsaan atau **National Blue Ocean Strategi (NBOS)** dengan menubuhkan pasukan polis bantuan UniMAP dan **UniMAP Social Security Team (USST)**.

### **Polis bantuan UniMAP**

11. Pasukan keselamatan UniMAP akan diserapkan sedikit demi sedikit ke pasukan polis bantuan. Pihak UniMAP mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak PDRM Bukit Aman kerana meluluskan permohonan ini dan merealisasikan hasrat pengurusan UniMAP agar keselamatan kampus lebih kelihatan berkredibiliti.
12. Kehidupan seharian warga kampus UniMAP tidak terhad kepada masyarakat kampus sahaja malah lokasi pekerjaan dan pembelajaran samada secara langsung atau tidak langsung berada dalam komuniti rakyat Perlis.
13. Ini menunjukkan tanggungjawab komuniti di Perlis telah menjadi tanggungjawab bersama warga UniMAP. Dengan kapasiti UniMAP sebagai sebuah universiti yang memberikan manfaat sepenuhnya bukan sahaja kepada masyarakat kampus malah komuniti di sekelilingnya, maka kesejahteraan dan keselesaan warga kampus khususnya mahasiswa UniMAP telah dijadikan salah satu petunjuk prestasi utama (KPI) universiti ini.

14. Justeru itu, sebagai inisiatif baru ke arah pencapaian KPI tersebut dan menggabungjalinkan **NBOS** dalam pencapaian matlamat seharian UniMAP, maka peranan pasukan beruniform UniMAP iaitu **KOR SUKSIS, PALAPES, RELASIS DAN KOR SISPA** akan diperluaskan sebagai satu pasukan yang diberi nama University Social Security Team (USST).
  
15. Insya Alllah USST akan dilancarkan sebentar lagi oleh kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Canselor UniMAP bersama Yang DiHormati Ketua Polis Negara.

Hadirin sekalian,

16. Hubungan kerjasama UniMAP dan pihak PDRM telah lama terjalin. Sebagai universiti awam yang berteraskan kepada kejuruteraan dan teknologi, UniMAP juga telah berjaya membangunkan beberapa produk yang boleh digunakan oleh pihak PDRM dalam urusan seharian mereka. Antara penyelidikan yang sedang dijalankan adalah projek menaiktaraf **robot pemusnah bom** untuk digunapakai oleh **Unit Pemusnah Bom Kontigen Polis Negeri Perlis**. Penyelidikan yang dijalankan oleh **Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik** ini telah merekabentuk sistem kawalan tanpa wayar bagi menggantikan sistem kawalan robot sedia ada yang menggunakan wayar sepanjang 100 meter.
  
17. Bagi merealisasikan hasrat dan kerjasama ini, sebentar lagi UniMAP akan mengadakan MoU dengan pihak PDRM atas kapasiti kerjasama tawaran kepakaran UniMAP untuk membantu PDRM dalam membangunkan produk dan teknologi yang boleh digunakan oleh PDRM.

18. Sesungguhnya, komitmen UniMAP dalam membantu pihak PDRM tidak putus –putus dan kami beriltizam untuk memastikan kampus UniMAP sifar dari jenayah. Insyaallah. UniMAP juga begitu komited dalam menjayakan dan mewujudkan kolaborasi bersama semua agensi kerajaan dan badan korporat khususnya dalam melaksanakan agenda kerajaan yang memberi manfaat kepada komuniti setempat.

## **PENUTUP**

Hadirin sakalian,

19. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi bagi pihak UniMAP ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Tan Sri Ketua Polis Negara dan pucuk pimpinan kanan PDRM kerana sudi hadir ke kampus UniMAP Pauh Putra di Perlis ini.
20. Saya juga mengalu-alukan Tan Sri dan semua pegawai kanan PDRM untuk mengunjungi perpustakaan dan galeri UniMAP bagi mendapat gambaran dekat kepakaran sebenar UniMAP.
21. Terima kasih juga diucapkan kepada Ketua Polis Perlis dan kor SUKSIS UniMAP di atas penganjuran program yang cukup berimpak ini. Tahniah diucapkan.

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata, patik mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi kepada ke bawah Duli Duli Tuanku kerana sudi bercemar duli berangkat hadir ke ***Program Community Policing And Crime Awareness*** pada pagi ini.

Patik sudahi dengan Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.